

**KESEDIAAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN (TEKNIKAL)  
KE ARAH PEMBENTUKAN SEORANG PENDIDIK YANG CEMERLANG**

**RUSLI BIN AMIR**

Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Institut Teknologi Tun Hussein Onn  
Universiti Teknologi Malaysia

**SEPTEMBER, 2001**

*Untuk*

*ayah dan ibu yang tercinta...*

*adik yang tersayang...*



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim...*

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya penulis dapat menyiapkan kajian kes ini dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

Penghargaan ikhlas penulis rakamkan kepada Pensyarah Pembimbing, Puan Yusmarwati Yusof yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar dan panduan yang amat bernilai sepanjang kajian kes ini dijalankan. Kepada Encik Mahmad Amir Radzali, Pensyarah Penilai yang sentiasa memberikan kritikan membina, jutaan terima kasih didahulukan.

Kepada semua responden yang sudi meluangkan sedikit masa emas mereka bagi memberikan maklumat yang amat berharga di dalam kajian ini, semoga tabah menghadapi hari-hari yang mendatang.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, keprihatinan serta kebaikan anda hanya Allah SWT sahajalah yang akan dapat membalasnya.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan kajian kes ini, semoga ilmu yang diperolehi dapat kita manfaatkan untuk kebaikan manusia sejagat.

Wallahualam.

## ABSTRAK

Kajian kes ini adalah untuk mengenalpasti kesediaan pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) ke arah pembentukan seseorang pendidik yang cemerlang. Antara ciri-ciri pembentukan pendidik cemerlang yang dikaji adalah Dimensi Diri, Dimensi Pengetahuan, Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran serta Dimensi Luaran. Sementara bagi aspek kesediaan pula adalah Dimensi Peribadi Pendidik itu sendiri, Dimensi Ilmu Pendidikan dan Dimensi Persekitaran. Seramai 50 orang pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Semester III Sesi 2001 / 2002 di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) telah dipilih sebagai responden di dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian di dalam proses pengumpulan data. Data dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Jadual peratusan dipersembahkan dengan penerangan hasil daripada dapatan kajian. Selain daripada itu, carta bar turut digunakan untuk mempersembahkan data. Dapatan kajian menunjukkan Dimensi Diri, Dimensi Pengetahuan serta Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran merupakan ciri-ciri sikap yang lebih penting berbanding daripada Dimensi Luaran. Manakala bagi aspek kesediaan pula, Dimensi Peribadi Pendidik dan Dimensi Ilmu Pendidikan adalah lebih penting berbanding dengan Dimensi Persekitaran. Kepentingan setiap dimensi dikenalpasti dan diterangkan di dalam rumusan. Akhir sekali daripada maklumbalas responden menunjukkan bahawa taraf bidang pendidikan adalah perlu ditingkatkan untuk memastikan pendidik itu adalah cemerlang. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada bidang pendidikan terutamanya kepada pendidik dan bakal pendidik.

## ABSTRACT

The purpose of this case study was to identify the preparation of Master Education (Technical) students towards an excellent teachers. Four dimensions were carried out to show the needed characteristics in order to perform an excellent teachers which are Self Dimension, Knowledge Dimension, Teaching and Learning Dimension and External Dimension. And from preparation aspects, Teacher Personal Dimension, Education Background Dimension and Environmental Dimension were observed. 50 students of Master Education (Technical) in 3<sup>rd</sup> Semester 2001 / 2002 Session at Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) was selected as a respondents in this study. The questionnaire was submit to this respondents as an instrument for data collecting. The data was analysed and present in percentage form. The percentage table were presented with an explanation of output. Besides of that, bar chart was also presented to show the analysed data in chart form. The findings of this case study were of Self Dimension, Knowledge Dimension and Teaching and Learning Dimension are vital characteristics as compared to External Dimension. Teachers Personal Dimension and Education Background Dimension are more important in preparation aspects as compared to Environmental Dimension. The importance of each dimensions was identified and were elaborated in Chapter 5. Finally, from the respondents feedback was find out that educational field is needed to be upgraded to ensure the teachers are excellent. I hope this finding will give a benefit to educationally field especially to the teachers and whom become to be a teachers.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Soalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Kerangka Teori	7
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Skop Kajian	10

1.9	Definisi Istilah	11
	1.9.1 Kesediaan	11
	1.9.2 Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal)	12
	1.9.3 Pembentukan	12
	1.9.4 Pendidik	12
	1.9.5 Cemerlang	13
1.10	Penutup	15
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Pendidik	17
2.3	Profesionalisme Pendidik	18
2.4	Pendidik Cemerlang	20
2.5	Penutup	26
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Populasi, Sampel dan Responden Kajian	29
3.4	Sumber Data	30
3.5	Instrumentasi Kajian	31
	3.5.1 Pembinaan Soal Selidik	31
3.6	Kaedah Analisis Data	34
3.7	Kajian Rintis	35
3.8	Batasan Kajian	36
3.9	Andaian Kajian	36
3.10	Penutup	37

<b>BAB IV</b>	<b>PEMROSESAN DAN PERSEMBAHAN DATA</b>	38
4.1	Pendahuluan	38
4.2	Analisis Data Bahagian A	39
	4.2.1 Jantina Responden	39
	4.2.2 Umur Responden	40
	4.2.3 Pilihan Profesion Perguruan Responden	41
	4.2.4 Pengalaman Mengajar Responden	42
	4.2.5 Pengkhususan Responden	43
4.3	Analisis Data Bahagian B	44
	4.3.1 Dimensi Diri	45
	4.3.2 Dimensi Pengetahuan	46
	4.3.3 Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran	46
	4.3.4 Dimensi Luaran	47
	4.3.5 Analisis Dimensi Diri	48
	4.3.6 Analisis Dimensi Pengetahuan	49
	4.3.7 Analisis Dimensi Pengajaran Pembelajaran	50
	4.3.8 Analisis Dimensi Luaran	51
4.4	Analisis Bahagian C	52
	4.4.1 Analisis Dimensi Ilmu Pendidikan	55
	4.4.2 Analisis Dimensi Peribadi Pendidik	56
	4.4.3 Analisis Dimensi Persekitaran	58
4.5	Analisis Bahagian D	59
4.6	Penutup	61
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	62
5.1	Pendahuluan	62
5.2	Ringkasan Kajian	62
5.3	Perbincangan	63
5.4	Rumusan dan Cadangan	70
5.5	Penutup	72



**RUJUKAN** 73

**LAMPIRAN**

Jadual Penentuan Jumlah Sampel 77

Borang Soal Selidik 78



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Jadual Bilangan dan Peratus Jantina Responden	39
4.2	Jadual Bilangan dan Peratus Umur Responden	40
4.3	Jadual Bilangan dan Peratus Pilihan Profesion Perguruan Responden	41
4.4	Jadual Bilangan dan Peratus Pengalaman Mengajar Responden	42
4.5	Jadual Bilangan dan Peratus Pengkhususan Responden	43
4.6	Jadual Dimensi Diri dan Soalan Perinciannya	45
4.7	Jadual Dimensi Pengetahuan dan Soalan Perinciannya	46
4.8	Jadual Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran dan Soalan Perinciannya	46
4.9	Jadual Dimensi Luaran dan Soalan Perinciannya	47
4.10	Jadual Kekekapan dan Peratus Jawapan Responden Untuk Dimensi Diri	48
4.11	Jadual Kekekapan dan Peratus Jawapan Responden Untuk Dimensi Pengetahuan	49
4.12	Jadual Kekekapan dan Peratus Jawapan Responden Untuk Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran	50
4.13	Jadual Kekekapan dan Peratus Jawapan Responden Untuk Dimensi Luaran	51

4.14	Jadual Keseluruhan Aspek Kesediaan dan Peratus Jawapan Responden	53
4.15	Jadual Dimensi Aspek Kesediaan dan Perinciannya	54
4.16	Jadual Dimensi Ilmu Pendidikan Dalam Peratus	55
4.17	Jadual Dimensi Peribadi Pendidik Dalam Peratus	56
4.18	Jadual Dimensi Persekitaran Dalam Peratus	58
4.19	Jadual Ke kerap an dan Peratus Pendapat Responden Terhadap Pengajian Yang Telah Diikuti	59
5.1	Jadual Peratusan Jawapan Responden Untuk Aspek Penglibatan Dalam Sukan dan Persatuan Serta " <i>Practitioner Research</i> "	65
5.2	Jadual Peratusan Jawapan Responden Bagi Dimensi Ilmu Pendidikan dan Penglibatan Dalam Sukan dan Persatuan	66
5.3	Jadual Peratusan Responden Yang Bersetuju Untuk Keempat-empat Dimensi Dalam Ciri-ciri Seseorang Pendidik Yang Cemerlang	67
5.4	Aspek K esediaan dan Susunan Keutamaannya	69



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Cadangan Penyelidikan	7
4.1	Rajah Peratus Jantina Responden	39
4.2	Rajah Peratus Umur Responden	40
4.3	Rajah Peratus Pilihan Profesion	
	Perguruan Responden	41
4.4	Rajah Peratus Pengalaman Mengajar	
	Responden	42
4.5	Susunan Nombor Keutamaan Untuk Aspek	
	Kesediaan	52
4.6	Rajah Peratus Pendapat Responden	
	Tentang Pengajian Mereka	60
5.1	Rajah Peratus Pilihan Profesion Perguruan	
	Responden	64

## SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat / Bahan Bantu Mengajar
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan satu wadah yang paling penting dan memainkan peranan utama dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Suatu sistem pendidikan yang tersusun dan terancang pastinya dapat membantu melahirkan generasi yang berupaya dan berkemampuan untuk berdepan dan menangani sebarang permasalahan yang melanda. Lebih-lebih lagi kebelakangan ini gelombang perubahan dan arus globalisasi semakin kuat melanda kebanyakan negara di dunia ini.

Di dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju, fungsi warga pendidik sebagai pemangkin perubahan dan peradaban manusia memang tidak dapat dinafikan. Pendidik merupakan arkitek sosial yang mempunyai agenda dalam melaksanakan proses pendidikan secara berkesan bagi melahirkan pelajar yang memiliki jati diri, ilmu dan juga ketakwaan. Dalam proses melaksanakan agenda ini, pendidik mestilah berjiwa besar dan mampan kerana tugas untuk “memanusiakan manusia” ini adalah sangat kompleks dan sungguh mencabar. Pendidik seharusnya melahirkan generasi berilmu untuk berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang global serta teknologi yang terkini dan berupaya menangani arus perubahan pada masa kini.

Profesion keguruan merupakan satu profesion yang unik dan terlalu sensitif memandangkan selain mendidik ia juga mempunyai pelbagai peranan lain terutamanya tanggungjawab terhadap masyarakat. Seseorang pendidik itu tentunya akan menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri jika terdapat pertentangan di antara kehendak yang diharapkan darinya dengan kehendak kendirinya.

Profesion keguruan ini pasti tidak akan hilang ditelan zaman memandangkan keperluan terhadapnya semakin meningkat dari sehari ke sehari. Kenyataan ini turut disokong secara gurauan oleh orang tua-tua yang mengatakan bahawa bilangan kanak-kanak (golongan yang memerlukan pendidikan) semakin bertambah dan pasti tidak akan habis. Selain itu, para pendukung pendidikan di Malaysia sendiri berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik yang terkenal di seluruh dunia (Kementerian Pendidikan, 1995).

Profesion ini juga menuntut seseorang pendidik itu harus mempunyai sifat yang unggul dan berdedikasi di dalam menjalankan tugas serta komitmen yang sepenuhnya terhadap pelajar, sekolah dan juga masyarakat. Pembentukan seseorang pendidik memerlukan penglibatan tiga aspek penting iaitu sahsiah pendidik, pengetahuan pengkhususan yang luas serta kemahiran pedagogi dan andragogi yang lengkap.

Atas dasar itulah, pembentukan seseorang pendidik yang cemerlang harus diutamakan dalam sesebuah negara yang inginkan kemajuan di dalam bidang pendidikan. Kecemerlangan seseorang pendidik itu dinilai bukan sahaja melalui proses pengajaran dan pembelajarannya malah ianya turut dinilai melalui sumbangan, peranan dan juga keterlibatannya. Dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara, permasalahan pembentukan seseorang pendidik yang cemerlang haruslah ditangani dengan serius dan digembleng secara bersama oleh semua pihak.

Justeru itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pendidik merupakan antara pencorak masa depan sesebuah negara. Pendidik yang cemerlang tentunya dapat memajukan masyarakat melalui tingkah laku yang positif umpamanya seperti komited

terhadap tugas serta prihatin. Kesenambungan daripada itu, pendidik sebenarnya mempunyai peranan penting dalam membentuk generasi yang mampu menghayati cabaran abad ke-21.

Pendidik juga mestilah mampu serta memberikan komitmen yang sepenuhnya dalam menjalankan tanggungjawab mendidik generasi yang unggul berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara dan juga Wawasan 2020. Profesion ini juga memerlukan pendidik mempunyai kekuatan dalaman yang praktikal seperti nilai moral, akhlak dan kemantapan serta keseimbangan emosi dan rohani bagi menangani permasalahan dan krisis nilai yang bakal berlaku pada abad ke-21.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Negara kita sendiri melihat bidang pendidikan sebagai satu bidang ilmu yang penting dalam menjana usaha untuk melahirkan generasi pelapis yang berupaya menangkis dan menangani setiap cabaran arus perubahan serta mampu membawa negara ke satu dimensi baru dalam segala aspek pembangunan. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kita sering dihadang dengan isu-isu yang melanda dunia pendidikan yang memerlukan satu resolusi bijak bagi menjamin kualiti dan imej pendidikan negara itu sendiri. Isu kemerosotan profesionalisme pendidik, keberkesanan peranan pendidik serta ketandusan penguasaan ilmu di kalangan pendidik sedikit sebanyak menjejaskan usaha bagi meningkatkan kualiti bidang pendidikan negara ini. Senario ini dilihat sebagai satu kekangan terhadap usaha untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dalam setiap aspek kehidupan selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Tindakan segolongan kecil pendidik di negara ini yang bertindak di luar etika dan batasan kemanusiaan seperti melakukan penderaan dan pencabulan sedikit sebanyak dilihat sebagai usaha dalam menggagalkan hasrat Falsafah Pendidikan Negara itu sendiri. Pendidik turut dikatakan mempunyai moral dan motivasi yang semakin rendah.



Keadaan ini dikaitkan dengan permasalahan imej dan status pendidik yang dianggap rendah serta perkembangan profesionalisme profesion keguruan yang semakin tidak bermaya (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1997).

Implikasinya, profesion keguruan tidak lagi dianggap sebagai sesuatu yang menarik dan disanjung tinggi. Malah para pendidik sering dipersalahkan jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini kepada para pelajar. Keadaan ini menjadi lebih buruk lagi dengan adanya campurtangan ibu bapa di dalam proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak mereka. Mereka mengatakan bahawa pendidik tidak mempunyai hak untuk menghukum sebaliknya tugas mereka hanyalah untuk mengajar dan menyampaikan ilmu kepada anak-anak mereka.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Memandangkan tingkah laku pendidik sentiasa dipantau oleh semua pihak dari semasa ke semasa, sebarang tindakan yang hendak dilakukan haruslah dirancang dan diteliti terlebih dahulu. Dengan kata lain, aspek kesediaan terhadap sesuatu perkara amat penting dan harus dijadikan sebagai satu prosedur wajib di dalam sebarang agenda. Kesediaan dalam sebarang hal secara amnya adalah merujuk kepada kesanggupan seseorang itu melengkapkan diri dengan perkara-perkara tertentu untuk menghadapi sesuatu.

Kecemerlangan pula sebenarnya terlalu abstrak dan selalunya ia diukur berdasarkan kepada hasil daripada sesuatu proses. Setiap orang sememangnya menginginkan kecemerlangan di dalam apa jua bidang yang diceburinya lebih-lebih lagi kecemerlangan di dalam profesion masing-masing yang tentunya melibatkan faktor masa depan.

Justeru itu, di dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji **Kesediaan Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Ke Arah Pembentukan Seorang Pendidik Yang Cemerlang.**

#### 1.4 Soalan Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji menyenaraikan tiga soalan kajian yang diharapkan dapat menyelesaikan pernyataan masalah seperti diterangkan. Pengkaji sebenarnya ingin mengenalpasti ;

1. Apakah ciri-ciri seorang pendidik yang cemerlang ?
2. Apakah kesediaan yang diperlukan di dalam pembentukan seorang pendidik yang cemerlang ?
3. Adakah pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Semester III dapat dikategorikan sebagai pendidik yang cemerlang selepas menamatkan pengajian sarjana di KUiTTHO ?




## 1.5 Objektif Kajian

Setiap perkara yang dilakukan haruslah mempunyai objektif yang tertentu agar proses ke arah pencapaian matlamat menjadi lebih sistematik dan lebih terancang. Di antara objektif sebenar pengkaji membuat kajian ini ialah ;

1. Mengenalpasti ciri-ciri seorang pendidik yang cemerlang.
2. Mengenalpasti kesediaan yang diperlukan di dalam pembentukan seorang pendidik yang cemerlang.
3. Mengenalpasti sama ada pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Semester III dapat dikategorikan sebagai pendidik yang cemerlang selepas menamatkan pengajian sarjana di KUiTTHO.



## 1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kerangka teori seperti Rajah 1.1 di atas sebagai panduan untuk menyelesaikan pernyataan masalah. Di dalam kerangka teori ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa prinsip teori dan andaian yang terlibat merujuk kepada hubungkait di antara pembolehubah-pembolehubah di dalam pernyataan masalah.

Pengkaji akan menggunakan beberapa teori dan falsafah iaitu Falsafah Pendidikan Negara, M. Wasiullah Khan, John Naisbitt dan juga Robiah Sidin.

Falsafah Pendidikan Negara yang dinyatakan secara tersurat pada tahun 1979 dan diisytiharkan secara rasmi pada tahun 1988 memperlihatkan dengan jelas hasrat dan

halatuju pendidikan di Malaysia yang bercorak individu dan masyarakat. Kedua-dua aspek ini mempunyai hubungan yang selaras ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Pengkaji mengaitkannya dengan matlamat akhir kajian iaitu pembentukan seseorang pendidik yang cemerlang.

M. Wasiullah Khan yang juga Canselor di East West University, Chicago, Amerika Syarikat mengatakan bahawa budaya ilmu merupakan satu prasyarat wajib ke arah menjayakan cita-cita untuk membangunkan sebuah negara bangsa yang maju, berwibawa dan cemerlang. Beliau menambah bahawa antara pola utama yang perlu ditanam di dalam diri pelajar dan juga pendidik ialah budaya membaca, budaya berdikari, budaya berfikir, budaya berwacana serta budaya berkarya.

John Naisbitt pula memberikan sebab mengapa kita harus mempunyai orientasi terhadap masa hadapan. Dengan kata lain, pengkaji mengaitkan pendapat ini dengan prospek pendidik yang cemerlang seperti mana yang dihasratkan oleh falsafah pendidikan guru. Pada masa hadapan, diharapkan para pendidik yang dilahirkan merupakan seorang pendidik yang berpekerti mulia, berpandangan progresif, bersedia menjunjung aspirasi negara serta dapat memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik dan berdisiplin.

Manakala Robiah Sidin (1998) pula berpendapat pendidik yang berkualiti dalam erti kata berwibawa, berpengetahuan, mahir, menghayati nilai dan ideologi negara di samping bersikap penyayang dan bertoleransi adalah berpunca daripada pendidikan dan latihan yang disediakan. Pengkaji dapat mengaitkan pendapat ini dengan aspek kesediaan bakal pendidik serta bagaimana mereka menyesuaikan dalam usaha untuk menjadikan mereka seorang pendidik yang cemerlang.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji mengharapkan agar hasil atau dapatan kajian ini kelak akan dapat memberikan kepentingan kepada beberapa pihak yang tertentu.

### 1. Pengkaji

- Sebagai bakal seorang pendidik, pengetahuan tentang kriteria, kesediaan, kemahiran, keperluan serta proses pembentukan seseorang pendidik yang cemerlang sememangnya perlu dan harus diketahui dalam proses untuk menjadi seorang pendidik yang cemerlang. Pengetahuan ini tentunya akan dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kelak di samping berusaha untuk merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

### 2. Pendidik sedia ada

- Pendidik yang sedia ada pula akan dapat menggunakan dapatan kajian ini bagi memantapkan lagi kemahiran pengajaran dan pembelajaran, menambahkan pengetahuan tentang ilmu pendidikan, mengetahui keperluan semasa yang diinginkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta motivasi untuk berusaha dengan lebih lagi dalam mendidik anak bangsa.

### 3. Pelajar

- Pelajar tentunya akan dapat menilai seseorang pendidik yang dikatakan cemerlang selain diharapkan akan dapat menyumbangkan idea dalam meningkatkan lagi kualiti dan imej pendidikan di negara ini.

### 4. Masyarakat

- Masyarakat pula dapat berperanan dalam memantau proses pengajaran dan pembelajaran pendidik yang cemerlang selain turut memberikan sumbang saran dalam usaha untuk bersama-sama membentuk generasi

masa depan yang lebih gemilang yang seterusnya bakal menerajui pucuk pimpinan negara.

5. Pengkaji akan datang

- Pengkaji mengharapkan agar dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan yang berguna dalam sebarang kajian yang berkaitan pada masa akan datang. Diharapkan agar kajian akan datang adalah lebih lengkap dan terperinci dengan mengambil kira faktor batasan serta limitasi dan skop kajian yang lebih luas.

## 1.8 Skop Kajian

Di dalam menjalankan sesuatu kajian, beberapa kekangan dan limitasi sememangnya tidak dapat dielakkan. Dengan kata lain, beberapa skop kajian yang terpaksa diabaikan merupakan satu kos lepas di dalam kajian ini.

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya menjalankan kajian di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) sahaja dan tidak di institusi-institusi pendidikan yang lain. Selain itu, kajian juga dijalankan hanya dalam jangka masa Semester II Sesi 2001 / 2002 iaitu selama 6 bulan sahaja. Segala pelaksanaan dan keputusan kajian tidak akan dibawa kepada semester yang akan datang. Manakala sumber primer dan sekunder turut diperolehi di dalam skop ini sahaja iaitu di KUiTTHO dan dalam Semester II Sesi 2001 / 2002.

Pengkaji hanya akan menggunakan kaedah pengumpulan data dan maklumat daripada responden melalui pengedaran borang soal selidik sahaja dan mengabaikan kaedah pengumpulan data yang lain.

## 1.9 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa istilah tertentu bagi menerangkan dengan lebih terperinci aspek-aspek yang berkaitan. Antara istilah yang digunakan dalam kajian ini ialah ;

### 1.9.1 Kesediaan

Kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan atau kerelaan di dalam sesuatu program (Kamus Dewan, 1993). Di dalam kajian ini, kesediaan yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah perkara atau proses yang perlu ada kepada seseorang sebelum melaksanakan dan mencapai sesuatu. Merujuk kepada kajian, kesediaan ke arah pembentukan seseorang pendidik yang cemerlang merupakan salah satu objektif kajian yang telah digariskan.

Selain itu, dalam melahirkan pelajar yang berkualiti, para pendidik juga perlu dilengkapi dengan ciri-ciri yang selari. Dengan kata lain, kesediaan para pendidik terhadap ciri-ciri yang selari itu haruslah dikenalpasti pada peringkat awal lagi. Menurut Mohamad Muda (1998), antara ciri-ciri yang perlu dilengkapi kepada bakal pendidik bagi tujuan di atas antaranya ialah ;

1. Menguasai bidang pengkhususan (kurikulum)
2. Mahir dan berketrampilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran
3. Memahami perkembangan pelajar
4. Mahir dalam psikologi pembelajaran (*cognitive psychology*)
5. Peka kepada teknologi pengajaran terkini
6. Menyaring dapatan kajian dan penyelidikan mutakhir
7. Profesional dalam profesion



## RUJUKAN

Abdul Rahim Abdul Rashid (1996). "Panduan Latihan Mengajar". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Sarji Abdul Hamid (1993). "Penerapan Nilai dan Budaya Kerja Cemerlang Dalam Pentadbiran Awam Malaysia". Kuala Lumpur : INTAN.

Asmah Ahmad (1989). "Pedagogi : Kaedah Am Mengajar." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Cohen, L. & Manion, L. (1985). "Research Methods in Education." London : Croom – Helm.

Eble, K. E. (1983). "The Aims of College Training". San Francisco : Jossey Bass.

Ee Ah Meng (1989). "Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih." Edisi II. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Gilbert, J. & Pope, M. (1990). "Doing Research In Teaching and Learning." University of Surrey.

Haji Sa'ari Hasan (1996). "Berita Pendidikan Guru." **Jilid 5 Bilangan 2**. Kementerian Pendidikan Malaysia. Ogos 1996. m/s 26.

Hariza Baharom (1998). "Ketersediaan Pendidik Ke Arah Pendidikan Bertaraf Dunia." Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.

Hilsum, S. dan Cane, B. (1971). "The Teachers Day." Windsor : NFER.

Kamus Dewan (2000). **Edisi Ketiga**. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.

Kerlinger, F. N. (1986). "Foundations of Behavioural Research." Fort Worth : Holt, Rinehart & Winstons.

Kyriacou, C. dan Sutcliffe, J. (1988). "Teaching Item and Satisfaction." Education Research. **Volume 21.**

Malaysia, Ministry of Education (1995). "Annual Report."

Marilyn Nathan (1995). "The New Teacher's Survival Guide." London : Kogan Page Limited.

Mohd. Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor Darul Takzim : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Salleh Lebar (1998). "Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan." Selangor Darul Ehsan : Thinker's Library Sdn. Bhd.

Mohamad Yusof (1991). "Persepsi Guru-guru Pelatih Semester II dan IV Tahun 1990 Maktab Perguruan Kent Tuaran Sabah Terhadap Ciri-ciri Pengajaran Berkesan Pensyarah." **Volume 1.** Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Kent.

Munn, N. L. (1962). "Introduction to Psychology." Boston : Houghton Mofflin Co.

Noran Fauziah Yaaqub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1990). "Guru dan Perguruan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka & Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Oppenheim, A. N. (1966). "Questionnaire Design & Attitude Measurement." Gover.

Peretomode, V. F. (1991). "The Diserability of Secondary School Teaching As A Career<sup>75</sup>  
Among Secondary School Students In Nigeria." Jurnal Pendidikan Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 16 : 75 – 84.

Robiah Sidin (1998). "Pemikiran dalam Pendidikan." Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti  
Sdn. Bhd.

Shahrir dan Shahril (1992). "Persepsi Guru Besar, Guru dan Murid Mengenai Ciri-ciri  
Guru Yang Berkualiti." Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.  
**Volume 36 No. 77.** Disember 1992.

Siti Rodziah (1982). "Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Ketegangan Serta  
Kesannya Ke Atas Guru-guru Pelatih." Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan  
Ilmiah.

Ubben dan Hughes (1987). "Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang". Batu Pahat : Minda  
PPD Batu Pahat Siri 4.

Vroom, V. H. (1964). "Work and Motivation." New York : Willey and Sons Inc.

Wan Fatimah Mohamad (1995). "Indikator Guru Cemerlang Dalam Konteks Pengajaran  
dan Pembelajaran". Jurnal Wacana Pendidikan Petunjuk Keberkesanan Institusi  
Pendidikan Cemerlang. Maktab Perguruan Pasir Panjang, Terengganu.

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1993). "Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian."  
Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

<http://www.geocities.com/Athens/Parthenon/7306/cemerlang.html>

<http://www.oz.plymouth.edu/~lsandy/effective.html> (Leo R. Sandy)

<http://www.ncrel.org/sdrs/areas/issues/educatrs/presrvce/pe3lk5.html> (Zeichner M. Kenneth)

[http://students.pepperdine.edu/jkhinsch/qualities\\_of\\_an\\_excellent\\_teacher.html](http://students.pepperdine.edu/jkhinsch/qualities_of_an_excellent_teacher.html) (Julie Hinsche)

<http://www2.moe.gov.my/~mpbl/Research/Muhd.html> (Muhammad bin Muda)

<http://www.blackboard.com/> (What Makes A Great Teacher)



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH